



EKUINAS

ambil alih Davex

Ms.25

Ekuinas ambil alih kepentingan Davex



➔ Kuasai 100 peratus ekuiti bernilai RM255j

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) membuat pelaburan sulung dan terbesarnya dalam sektor perkilangan dengan mengambil alih 100 peratus kepentingan Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex) bernilai RM255 juta.

Davex, syarikat reka bentuk, perundingan dan pengeluar lampu tempatan mengeluarkan produknya sendiri di

bawah jenama Davis Lighting dan umumnya terbabit dalam segmen luminair dalam pasaran pencahayaan.

Syarikat berpangkalan di Pulau Pinang itu diasaskan pada 1983 dan ia menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh untuk pelanggan komersial, perindustrian dan kediaman dan mempunyai tapak yang kukuh di Singapura dan Australia, selain pasaran domestik.

Mengulas mengenai pelaburan itu, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda (**gambar**), berkata Ekuinas teruja untuk menembusi segmen pencahayaan luminair menerusi Davex, pemimpin pasaran serantau yang bertapak di Malaysia dan telah menerangi projek terkenal di rantau ini,

termasuk Menara Berkembar PETRONAS.

“Pelaburan ini menandakan kemasukan Ekuinas ke dalam sektor pengeluaran, tepat pada masanya kerana permintaan untuk lampu luminair, terutama model jimat tenaga, semakin pesat,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Manfaat Davex

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, berkata syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan itu akan memanfaatkan ketepatan Davex untuk mencapai pelan penciptaan nilai yang ditentukan pihaknya untuk mengembangkan pertumbuhan kasar di samping meningkatkan

kehadirannya di Malaysia dan rantau ini serta memperkemas sistem dan integrasi proses dengan tujuan meningkatkan ekuiti jenama.

“Kami akan bekerjasama rapat dengan pihak pengurusan Davex untuk mencapai dan mempercepatkan pertumbuhan tempatan dan serantau untuk mencontohi kejayaan Davex di Singapura dan Australia, dan untuk mengembangkan kemudahan perkilangan di Pulau Pinang.

“Kami yakin apabila syarikat berkembang, peluang pekerjaan juga akan meningkat untuk semua rakyat Malaysia,” katanya.

Pengarah Urusan Kumpulan Davex, Yap Chung San, berkata pemerolehan Ekuinas adalah tonggak penting bagi syarikat itu.